ISSN 2180-0480
9 772180 048004

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

AES
STATISTIK EKONOMI TAHUNAN
Annual Economic Statistics
2022

PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR
Environmental Protection Expenditure

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SURVEY EKONOMI TAHUNAN
ANNUAL ECONOMIC SURVEY
2022

PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR
ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai platform yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai jenis data. OpenDOSM NextGen ialah medium perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the World with Data We Can Trust".*

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation from respondents to provide information with DOSM and make this census a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a platform that provides a catalogue of data and visualisation that facilitates users in analysing various types of data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing medium and accessible through https://open.dosm.gov.my portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by*:
Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram / YouTube	:	StatsMalaysia
Emel / *Email*	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/ *general enquiries*) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/ *data request & enquiries)*

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Jun 2023 / *Published in June 2023*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved*.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

"Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia"

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

"Source: Department of Statistics Malaysia"

ISSN 2180-0480

Kata Pengantar

Penerbitan Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar 2022 membentangkan statistik perbelanjaan perlindungan alam sekitar bagi tahun rujukan 2021 yang merupakan hasil daripada Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022. Sektor yang diliputi adalah Pertanian; Perlombongan & pengkuarian; Pembuatan; Pembinaan dan Perkhidmatan. Konsep dan definisi yang digunakan dalam survei ini adalah berdasarkan *Environmental Expenditure Statistics: Industry Data Collection Handbook 2005* oleh *Eurostats, Classification of Environmental Protection Activities and Expenditure (CEPA) 2000* dari *Statistical Office of the European Communities* dan *Glossary of Statistical Terms* oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).*

Statistik yang dilaporkan dalam penerbitan ini meliputi perbelanjaan modal dan operasi bagi pengurusan pencemaran, pengurusan sisa, penilaian dan caj alam sekitar, perlindungan hidupan liar & habitat serta perbelanjaan lain untuk perlindungan alam sekitar. Statistik ini digunakan sebagai sumber rujukan oleh agensi kerajaan, ahli ekonomi, ahli akademik, pihak swasta dan individu.

Penerbitan ini merangkumi tiga bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan penemuan utama dan ringkasan penemuan perbelanjaan perlindungan alam sekitar. Jadual perangkaan terperinci dipaparkan di bahagian kedua, manakala bahagian ketiga pula menerangkan aspek teknikal antaranya skop dan liputan, konsep dan definisi serta pemboleh ubah utama yang digunakan bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan survei ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Ketua Perangkawan Malaysia

Jun 2023

Preface

The publication of Environmental Protection Expenditure 2022 presents statistics on the environmental protection expenditure for the reference year 2021 as an outcome from Annual Economic Survey (AES) 2022. Sectors covered comprised of Agriculture; Mining & quarrying; Manufacturing; Construction and Services. Concepts and definitions used in this survey are based on Environmental Expenditure Statistics: Industry Data Collection Handbook 2005 by Eurostats, Classification of Environmental Protection Activities and Expenditure (CEPA) 2000 by Statistical Office of the European Communities and Glossary of Statistical Terms by Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD).

Statistics reported in this publication includes capital and operating expenditure for pollution management, waste management, environmental assessment and charges, protection of wildlife & habitat and other environmental protection expenditure. These statistics are useful as a source of reference by government agencies, economists, academicians, private sectors and individuals.

This publication consists of three parts. The first part presents the main findings & summary of findings on environmental protection expenditure. The detail statistical tables are shown in the second part, meanwhile the third part describes technical aspects such as scope and coverage, concepts and definitions as well as the key variables used to assist users to understand the published statistics.

Department of Statistics Malaysia gratefully acknowledges the co-operation and contribution rendered by all parties in making this publication a success. Every feedback and suggestion towards improving future publication is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia

June 2023

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

PENEMUAN UTAMA & RINGKASAN PENEMUAN

MAIN FINDINGS & SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

This page is deliberately left blank

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BANCI EKONOMI 2023
DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

StatsMalaysia
www.dosm.gov.my

MALAYSIA MADANI

Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar bagi 2021 Meningkat 4.8% kepada RM3.1b



RM2.9b dibelanjakan dalam sektor Pembuatan & Perkhidmatan

Pembuatan
▲4.4%
2021: 2,486.8
2020: 2,382.4

Perkhidmatan
▲5.4%
2021: 386.4
2020: 366.7

Perlombongan & pengkuarian
▲10.4%
2021: 110.8
2020: 100.4

Pembinaan
▼4.1%
2021: 84.7
2020: 88.4

Pertanian
▲34.9%
2021: 47.1
2020: 34.9

(RM juta)

Pengurusan pencemaran & pengurusan sisa menyumbang 96.7% kepada jumlah perbelanjaan

Pengurusan pencemaran
2021: 2,210.2
2020: 2,103.7
▲5.1%

Pengurusan sisa
2021: 803.7
2020: 766.8
▲4.8%

Penilaian & caj alam sekitar
2021: 70.6 | 2020: 67.2 ▲5.1%

Perbelanjaan lain untuk perlindungan alam sekitar
2021: 19.3 | 2020: 17.2 ▲12.3%

Perlindungan hidupan liar & habitat
2021: 12.2 | 2020: 18.0 ▼32.3%

(RM juta)

5 negeri menyumbang perbelanjaan tertinggi dengan 67.4%

Johor
2021: 862.4
2020: 808.8
▲6.6%

Selangor
2021: 557.5
2020: 530.4
▲5.1%

Sarawak
2021: 239.4
2020: 235.6
▲1.6%

W.P. Kuala Lumpur
2021: 221.0
2020: 224.0
▼1.3%

Terengganu
2021: 220.2
2020: 236.4
▼6.9%

(RM juta)

Sumber: Survei Ekonomi Tahunan 2022 - Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

StatsMalaysia
www.dosm.gov.my

MALAYSIA MADANI

Environmental Protection Expenditure 2021 Grew by 4.8% to RM3.1b



RM2.9b spent by Manufacturing & Services sectors

Manufacturing
▲4.4%
2021: 2,486.8
2020: 2,382.4

Services
▲5.4%
2021: 386.4
2020: 366.7

Mining & quarrying
▲10.4%
2021: 110.8
2020: 100.4

Construction
▼4.1%
2021: 84.7
2020: 88.4

Agriculture
▲34.9%
2021: 47.1
2020: 34.9

(RM million)

Pollution management & waste management constituted 96.7% from total expenses

Pollution management
2021: 2,210.2
2020: 2,103.7
▲5.1%

Waste management
2021: 803.7
2020: 766.8
▲4.8%

Environmental assessment & charges
2021: 70.6 | 2020: 67.2 ▲5.1%

Other environmental protection expenditure
2021: 19.3 | 2020: 17.2 ▲12.3%

Protection of wildlife & habitat
2021: 12.2 | 2020: 18.0 ▼32.3%

(RM million)

5 states with the highest expenses have a combined share of 67.4%

Johor
2021: 862.4
2020: 808.8
▲ 6.6%

Selangor
2021: 557.5
2020: 530.4
▲ 5.1%

Sarawak
2021: 239.4
2020: 235.6
▲ 1.6%

W.P. Kuala Lumpur
2021: 221.0
2020: 224.0
▼ 1.3%

Terengganu
2021: 220.2
2020: 236.4
▼ 6.9%

(RM million)

Source: Annual Economic Survey 2022 – Environmental Protection Expenditure, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

1. PENGENALAN

Penerbitan Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar 2022 adalah hasil daripada Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022. Penerbitan ini membentangkan statistik perbelanjaan perlindungan alam sekitar bagi tahun rujukan 2021. Sektor yang diliputi dalam survei ini ialah:

a. Pertanian;
b. Perlombongan & pengkuarian;
c. Pembuatan;
d. Pembinaan; dan
e. Perkhidmatan.

2. PRESTASI KESELURUHAN

Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mencatatkan 4.8 peratus kadar pertumbuhan tahunan dengan nilai RM3,115.9 juta. Perbelanjaan operasi kekal sebagai penyumbang utama iaitu 77.1 peratus dengan kadar pertumbuhan tahunan positif 8.6 peratus kepada RM2,402.6 juta. Sebaliknya, perbelanjaan modal menyumbang sebanyak 22.9 peratus menyusut 6.3 peratus kepada RM713.4 juta.

Paparan 1: Jumlah perbelanjaan perlindungan alam sekitar, 2020 dan 2021

	OPERASI (RM JUTA)	MODAL (RM JUTA)	JUMLAH (RM JUTA)
2021	2,402.6	713.4	3,115.9
2020	2,211.4	761.4	2,972.8
KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN (%)	8.6	-6.3	4.8

3. PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN

Perbelanjaan pengurusan pencemaran dan pengurusan sisa kekal sebagai perbelanjaan utama yang dibuat oleh industri di Malaysia dengan sumbangan 96.7 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan perlindungan alam sekitar. Perbelanjaan pengurusan pencemaran berjumlah RM2,210.2 juta atau sumbangan sebanyak 70.9 peratus manakala perbelanjaan pengurusan sisa pula direkodkan sebanyak RM803.7 juta atau sumbangan 25.8 peratus. Tiga lagi perbelanjaan yang dibuat bagi tujuan perlindungan alam sekitar adalah perbelanjaan penilaian dan caj alam sekitar (RM70.6 juta; 2.3%), perbelanjaan lain untuk perlindungan alam sekitar (RM19.3 juta; 0.6%) dan perbelanjaan perlindungan hidupan liar & habitat (RM12.2 juta; 0.4%).

Paparan 2: Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, 2021

Pengurusan pencemaran	Pengurusan sisa	Penilaian dan caj alam sekitar	Perbelanjaan lain untuk perlindungan alam sekitar	Perlindungan hidupan liar & habitat
RM2,210.2 juta	RM803.7 juta	RM70.6 juta	RM19.3 juta	RM12.2 juta
M: 27.8% O: 72.2%	M: 9.4% O: 90.6%	M: 27.8% O: 72.2%	M: 8.0% O: 92.0%	M: 32.9% O: 67.1%

Jumlah: RM3,115.9 juta

M: Perbelanjaan modal
O: Perbelanjaan operasi

Perbelanjaan pengurusan pencemaran boleh dikategorikan mengikut jenis aktiviti dan media. Bagi jenis aktiviti, peredaan & kawalan pencemaran merupakan penyumbang utama sebanyak 67.2 peratus (RM1,485.9 juta). Ini diikuti aktiviti pengawasan alam sekitar dan pencegahan pencemaran dengan sumbangan masing-masing 20.6 peratus (RM454.2 juta) dan 9.6 peratus (RM211.9 juta).

Manakala, perbelanjaan pengurusan pencemaran mengikut media pula sebanyak 61.2 peratus dibelanjakan bagi air permukaan iaitu RM1,352.7 juta dan 32.5 peratus dibelanjakan bagi udara (RM717.5 juta). Perbelanjaan selebihnya adalah bagi media tanah & air bawah tanah serta bunyi, gegaran & radiasi masing-masing sebanyak RM80.7 juta (3.7%) dan RM59.3 juta (2.7%).

Paparan 3: Perbelanjaan pengurusan pencemaran mengikut aktiviti dan media, 2021



4. PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR MENGIKUT SEKTOR

Sektor Pembuatan menyumbang sebahagian besar perbelanjaan perlindungan alam sekitar yang dibuat pada tahun 2021 dengan nilai perbelanjaan sebanyak RM2,486.8 juta atau sumbangan 79.8 peratus diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan RM386.4 juta atau 12.4 peratus. Di samping itu, sektor Perlombongan & pengkuarian, Pembinaan dan Pertanian pula masing-masing menyumbang sebanyak 3.6 peratus (RM110.8 juta), 2.7 peratus (RM84.7 juta) dan 1.5 peratus (RM47.1 juta).

Paparan 4: Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut sektor, 2021



Secara umumnya, corak perbelanjaan sektor Pembuatan, Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan lebih tertumpu kepada perbelanjaan pengurusan pencemaran dengan sumbangan melebihi 60 peratus. Manakala, corak perbelanjaan bagi sektor Perkhidmatan pula adalah seimbang antara pengurusan pencemaran dan pengurusan sisa dengan masing-masing menyumbangkan 48.9 peratus dan 46.3 peratus. Sektor Pertanian juga didominasi oleh perbelanjaan pengurusan pencemaran dan pengurusan sisa. Namun, perbelanjaan penilaian & caj alam sekitar dan perlindungan hidupan liar & habitat adalah lebih ketara dalam sektor Pertanian berbanding sektor lain dengan sumbangan kedua-duanya adalah 17.0 peratus.

Carta 1: Jenis perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut sektor, 2021



5. PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR MENGIKUT NEGERI

Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut negeri didominasi oleh Johor dengan RM862.4 juta atau sumbangan sebanyak 27.7 peratus. Ini diikuti oleh Selangor dengan RM557.5 juta (17.9%), Sarawak RM239.4 juta (7.7%), W.P. Kuala Lumpur RM221.0 juta (7.1%) dan Terengganu RM220.2 juta (7.1%). Lima negeri ini menyumbang kepada 67.4 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan yang direkodkan pada 2021.

Paparan 5: Perbelanjaan perlindungan alam sekitar dan peratus sumbangan mengikut negeri, 2021



KAEDAH BIOLOGI UNTUK PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENCEMARAN DALAM SEKTOR PERTANIAN

Fuziah Md. Amin, Syed Ibrahim Mohd Jamaluddin, Nazira Abdullah,
Mahadi Mohd Nor, Nurul Asmahusna Asari,
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar

Pendahuluan

Kelestarian alam sekitar adalah merujuk kepada interaksi bertanggungjawab dengan alam sekitar untuk mengelakkan pengurangan sumber semula jadi serta menjamin kualiti persekitaran yang lebih baik untuk jangka masa yang panjang. Menurut *United States Environmental Protection Agency (U.S. EPA),* usaha untuk mencapai kelestarian adalah mengenai mewujudkan dan mengekalkan keadaan di mana manusia dan alam semula jadi boleh wujud dalam keharmonian yang produktif untuk menyokong generasi sekarang dan akan datang[1]. Selain itu, *UN World Commission on Environment and Development (WCED)* menjelaskan pembangunan lestari sebagai pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri[2]. Proses urbanisasi, perindustrian baharu dan amalan pertanian moden yang tidak diuruskan secara mampan boleh menyebabkan pencemaran sumber air, udara dan tanah. Sumber semula jadi yang dieksploitasi secara berlebihan serta dicemari bahan kimia beracun akan menyukarkan kelangsungan hidup generasi akan datang.

Pertanian Mampan

Pertanian mampan merujuk kepada aktiviti pertanian yang dilaksanakan dengan cara melindungi alam sekitar, membantu dan memperluas sumber semula jadi, dan memanfaatkan sumber tidak boleh diperbaharui dengan sebaiknya[3]. *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO) menggariskan lima prinsip utama kelestarian untuk makanan dan pertanian, iaitu meningkatkan produktiviti, pekerjaan dan penambahan nilai dalam sistem makanan; melindungi dan meningkatkan sumber semula jadi; meningkatkan taraf hidup dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang inklusif; meningkatkan daya tahan manusia, komuniti, dan ekosistem; dan menyesuaikan pentadbiran dengan cabaran baharu[4]. Wawasan pertanian mampan di Malaysia adalah selaras dengan matlamat pembangunan mampan

[1] https://www.epa.gov/sustainability/learn-about-sustainability#what
[2] https://www.sustain.ucla.edu/what-is-sustainability/
[3] https://www.nal.usda.gov/farms-and-agricultural-production-systems/sustainable-agriculture
[4]https://www.fao.org/sustainability/background/en/#:~:text=FAO's%20vision%20for%20sustainable%20food,well%20as%20future%20human%20needs.

negara untuk meningkatkan status pendapatan kumpulan sasar seperti petani, penternak, nelayan dan usahawan asas tani[5]. Transformasi sektor pertanian turut ditonjolkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) 2021-2023 yang digubal dengan objektif untuk memastikan bekalan makanan, meningkatkan daya saing dan kemampanan industri agromakanan, dan meningkatkan tahap pendapatan kumpulan sasaran[6].

Kaedah biologi dalam aktiviti pertanian

Kawalan biologi merujuk kepada kaedah pengurusan populasi perosak tanpa menggunakan racun serangga atau bahan kimia. Keberkesanan kaedah biologi dalam mencegah pencemaran telah banyak dikaji dan dianggap sebagai salah satu pendekatan lestari dalam pengurusan sumber asli. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menerangkan lima jenis kaedah kawalan biologi dalam mengawal perosak dan penyakit di sawah padi iaitu parasitoid, pemangsa, entomopatogen, mikrob antagonis, dan ekstrak tumbuhan. Kaedah-kaedah ini merujuk kepada penggunaan musuh semula jadi yang berperanan dalam mengawal populasi perosak dan penyakit agar tidak meyebabkan kerugian ekonomi. Kaedah kawalan biologi boleh dilaksanakan melalui beberapa pendekatan iaitu kawalan biologi klasik, penambahan populasi, kaedah pelepasan secara bertanggungjawab, kaedah pelepasan secara besar-besaran atau pemuliharaan[7].

Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) baru-baru ini melancarkan program Inisiatif Burung Pungguk Jelapang untuk Pekebun Kecil Kelapa Sawit (BOSI) bagi membantu mereka mengawal tikus perosak di ladang mereka. Usaha ini merupakan inisiatif hijau yang bertujuan untuk meminimumkan penggunaan racun serangga yang mempunyai kesan buruk terhadap alam sekitar dan boleh membahayakan haiwan lain yang memakan tikus beracun. Kaedah menggunakan burung pungguk atau burung hantu untuk mengawal populasi tikus telah diamalkan secara meluas dalam ladang kelapa sawit berskala besar yang dimiliki oleh pertubuhan, namun amalan pertanian baik ini belum diperluaskan kepada petani berskala kecil. Oleh itu, kerjasama ini dijangka akan dapat membantu petani berskala kecil dalam menggunakan kaedah ini kerana ia lebih selamat untuk manusia dan alam sekitar, di samping mengurangkan penggunaan racun tikus[8].

[5] Rahman, R.A. (2021) Green nanotechnology for sustainable agriculture in Malaysia, FFTC Agricultural Policy Platform (FFTC-AP). Available at: https://ap.fftc.org.tw/article/2833 (Accessed: 15 June 2023).
[6] https://www.fama.gov.my/documents/20143/64638/Pendahuluan.pdf/115d5802-ee67-4c5e-9e08-9eed710a6624
[7] Amzah, B., Misman, S. N., Mohamad, M., & Vun, C. T. Pengurusan bersepadu perosak, penyakit dan rumpai dalam pengeluaran mampan tanaman padi.
[8] https://www.mpogcf.org/mpogcf-dan-usm-bekerjasama-bina-sarang-burung-pungguk-jelapang-untuk-pekebun-pekebun-kecil-kelapa-sawit/

MARDI dengan kerjasama Jabatan Pertanian (DOA) juga telah berjaya menghasilkan pakej agen kawalan biologi yang berkesan mengawal serangan serangga perosak terutama sayuran tanah tinggi. Teknologi berkonsepkan ekologi yang dibangunkan ini adalah asas pengurusan perosak bersepadu yang bukan saja selamat kepada pengguna, tetapi juga bermanfaat untuk memulihara kestabilan ekosistem di Cameron Highlands. Projek ini menggunakan dua parasitoid sebagai ejen kawalan biologi iaitu *Diadegma Semiclausum* dan *Cotesia Vestali* yang telah terbukti berkesan mengawal serangan serangga perosak utama tanaman krusifer terutama sayuran kubis. Analisis ekonomi mendapati bahawa teknologi ini mampu menjimatkan kos racun kawalan perosak sehingga RM2,000 setiap musim[9].

Selain itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga telah melancarkan Program Bioremediasi Keluarga Malaysia di Pusat Perkhidmatan Pertanian Bersepadu, Pertubuhan Peladang Kawasan Muar Selatan, Johor. Program ini merupakan sebuah program latihan dan pemindahan teknologi kaedah penternakan larva lalat jenis *Black Soldier Fly* (BSF) secara teori dan praktikal oleh saintis tempatan kepada masyarakat. Proses bioremediasi merupakan kaedah pengurusan sisa yang selamat, mesra alam dan lestari menggunakan larva BSF untuk proses pengkomposan sisa domestik dan agro industri menjadi makanan haiwan ternakan serta baja organik yang berkualiti. Penghasilan input pertanian ini mampu mengurangkan beban dan kos para penternak dan petani, di samping dapat mengurangkan masalah pengurusan sisa domestik dan sisa pertanian di kawasan sekitar[10].

Fitoremediasi sebagai pembasmi bahan pencemar

Selain daripada kaedah kawalan biologi dalam pencegahan pencemaran akibat penggunaan racun perosak, kaedah fitoremediasi juga boleh diaplikasikan sebagai alternatif untuk menyingkirkan bahan pencemar menggunakan tumbuhan semula jadi. Fitoremediasi merujuk kepada rawatan pencemaran atau sisa, seperti tanah atau air bawah tanah tercemar, dengan menggunakan tumbuhan hijau yang membasmi, menguraikan, atau menstabilkan bahan pencemar seperti logam beracun[11]. Salah satu contoh penggunaan fitoremediasi yang

[9] https://blogmardi.wordpress.com/2019/06/22/agen-kawalan-biologi/
[10] https://www.mosti.gov.my/en/berita/program-bioremediasi-keluarga-malaysia-mengurangkan-beban-dan-kos-penternak-2/
[11] Merriam-Webster. (n.d.). Phytoremediation. In Merriam-Webster.com dictionary. Retrieved June 16, 2023, from https://www.merriam-webster.com/dictionary/phytoremediation

telah dilaksanakan ialah penggunaan bunga matahari untuk pemulihan tanah yang tercemar selepas letupan loji nuklear di Chernobyl, Rusia[12].

Aktiviti akuakultur seperti penternakan ikan keli lazimnya akan menghasilkan sisa pencemar. Beberapa kajian telah dilaksanakan di Malaysia bagi melihat keberkesanan pengunaan kaedah fitoremediasi dalam merawat air sisa akuakultur. Salah satu daripadanya ialah kajian di kolam penternakan ikan keli di Sungai Udang, Nibong Tebal yang menggunakan *s. Molesta* dan *s. Polyrhiza* sebagai agen fitoremediasi. Hasil kajian ini menunjukkan agen ini mampu menyingkirkan nutrien dalam air sisa ladang ikan berbanding kaedah pertukaran ion yang lazimnya memerlukan kos yang tinggi[13]. Selain itu, kajian menggunakan tumbuhan akuatik *Azolla Pinnata* sebagai agen untuk merawat sisa kolam ikan keli juga menunjukkan penurunan nilai ammonia dan fosfat di dalam air sisa[14]. Kajian fitoremediasi lain menggunakan *Jatropha Curcas*, *Acacia Mangium* dan *Hopea Odorata* juga turut mendapati bahawa tumbuhan ini mempunyai potensi untuk menyerap kuprum (*Copper*) daripada tanah yang telah tercemar dengan enap cemar kumbahan[15]. Kesimpulannya, setiap agen fitoremediasi memiliki kemampuan tersendiri dalam merawat bahan pencemar.

Cabaran dalam pelaksanaan kawalan biologi

Walaupun kawalan biologi dapat menyelamatkan alam sekitar, cabaran dalam mengamalkan kaedah ini dalam kalangan pengusaha pertanian sentiasa terbuka untuk perbincangan. Satu contoh kaedah biologi dalam konteks pertanian adalah *Integrated Pest Management* (IPM) yang merupakan satu pendekatan holistik dalam pengurusan perosak merangkumi pelbagai kaedah, termasuk kawalan biologi, kultur, fizikal, dan kimia[16]. Walaupun IPM memberi tumpuan utama kepada pengurusan perosak dalam persekitaran pertanian, ia secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pencegahan pencemaran dengan meminimumkan penggunaan racun serangga dan mempromosikan amalan lestari. Pendekatan ini telah menjadi solusi yang lazim bagi perlindungan tanaman dan telah mendapat pengiktirafan dan sokongan global daripada saintis, pembuat dasar, dan organisasi

[12]https://nature.berkeley.edu/blackmanlab/Blackman_Lab/Lab_News/Entries/2013/2/18_Bloom_of_the_Week_Phytoremediation_with_Sunflower.html#:~:text=Sunflower%20was%20most%20notably%20used,after%20the%20recent%20nuclear%20meltdown.
[13]Ng, Y. S., Samsudin, N. I. S., & Chan, D. J. C. (2017, June). Phytoremediation capabilities of Spirodela polyrhiza and Salvinia molesta in fish farm wastewater: A preliminary study. In IOP Conference Series: Materials Science and Engineering (Vol. 206, No. 1, p. 012084). IOP Publishing.
[14]Farah, D. A., Azhar, A. H., Marlia, M. H., & Nor, A. R. (2019). Phytoremediation capability by Azolla pinnata in aquaculture wastewater treatment. *Sains Malaysiana*, *48*(2), 281-289.
[15]Maryam, G., Majid, N. M., Islam, M. M., Ahmed, O. H., & Abdu, A. (2015). Phytoremediation of copper-contaminated sewage sludge by tropical plants. *Journal of Tropical Forest Science*, 535-547.
[16]Grafton-Cardwell, E., Daane, K. M., & Bentley, W. J. (2013). Integrated Pest Management. UC Agriculture and Natural Resources, Publication 3518. Retrieved from https://anrcatalog.ucanr.edu/Details.aspx?itemNo=3518

pembangunan antarabangsa[17]. Walaupun mempunyai prinsip dan teori yang kukuh, IPM tetap menghadapi kadar penggunaan yang rendah dalam kalangan negara membangun seperti yang ditunjukkan dalam kajian yang melibatkan pengamal IPM dan dari 96 negara yang menyatakan halangan utama yang dihadapi ialah "kekurangan latihan dan sokongan teknikal kepada para petani"[18].

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaksanakan Survei Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar secara tahunan untuk mengumpulkan maklumat perbelanjaan pertubuhan khusus bagi tujuan perlindungan alam sekitar. Survei ini meliputi lima jenis perbelanjaan iaitu pengurusan pencemaran, pengurusan sisa, penilaian dan caj alam sekitar, perlindungan hidupan liar dan habitat serta perbelanjaan lain untuk perlindungan alam sekitar di mana perbelanjaan yang terlibat dalam kaedah kawalan biologi akan direkodkan dalam perbelanjaan pengurusan pencemaran. Antara maklum balas kawalan biologi yang diterima melalui survei ini adalah perbelanjaan untuk membeli burung hantu yang dilaporkan oleh pemilik ladang kelapa sawit dalam usaha untuk menghalang serangan tikus di ladang mereka.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kaedah kawalan dan pencegahan pencemaran menggunakan pendekatan biologi secara teorinya mampu mengatasi isu pencemaran dengan meminimumkan penggunaan racun serangga perosak dan bahan kimia yang bukan sahaja bersifat mencemarkan, malah akan memusnahkan bakteria yang berfaedah. Bukan itu sahaja, hasil pengeluaran daripada sistem pertanian yang mengamalkan kaedah kawalan biologi juga boleh menjamin kesihatan manusia dan haiwan peliharaan. Walau bagaimanapun, salah satu kelemahan kawalan biologi adalah ia memerlukan masa yang lebih lama untuk menurunkan populasi serangga perosak berbanding dengan penggunaan racun perosak kerana organisma parasit boleh mengambil beberapa hari untuk dihapuskan[19]. Bagi meluaskan aplikasi kawalan biologi di dalam landskap pertanian di Malaysia, kerjasama daripada semua pihak berkepentingan adalah sangat diperlukan terutamanya daripada aspek memupuk kesedaran dalam kalangan pemain industri dan pengusaha pertanian, serta peranan penggubal dasar dalam menggalakkan penggunaan teknologi dan kaedah

[17]Thomas, M. B. (1999). Ecological approaches and the development of "truly integrated" pest management. Proceedings of the National Academy of Sciences, 96(11), 5944-5951.
[18]Parsa, S., Morse, S., Bonifacio, A., Chancellor, T. C., Condori, B., Crespo-Pérez, V., ... & Dangles, O. (2014). Obstacles to integrated pest management adoption in developing countries. Proceedings of the National Academy of Sciences, 111(10), 3889-3894.
[19] Bale, J. S., Van Lenteren, J. C., & Bigler, F. (2008). Biological control and sustainable food production. Philosophical Transactions of the Royal Society B: Biological Sciences, 363(1492), 761-776.

pengeluaran yang menyokong agenda kelestarian seperti mana yang disarankan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

PENAFIAN

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada YBrs. Puan Hajah Nazaria Baharudin, Cik Suhaily Safie, Puan Siti Fairuz Mohd Zukri dan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan (Program Sosial & Pembangunan Teknikal) atas sumbangan dalam penyediaan artikel ini.

1. INTRODUCTION

The publication of Environmental Protection Expenditure 2022 is an outcome from the Annual Economic Survey (AES) 2022. This publication presents statistics on the environmental protection expenditure for the reference year 2021. The sectors covered in this survey are:

a. *Agriculture;*
b. *Mining & quarrying;*
c. *Manufacturing;*
d. *Construction; and*
e. *Services.*

2. OVERALL PERFORMANCE

Environmental protection expenditure recorded a 4.8 per cent annual growth reaching a value of RM3,115.9 million. The operating expenditure remained as the main contributor with 77.1 per cent share and recorded a positive growth of 8.6 per cent to RM2,402.6 million. On the other hand, capital expenditure represented 22.9 per cent, declined by 6.3 per cent to RM713.4 million.

Exhibit 1: Environmental protection expenditure, 2020 and 2021

	OPERATING (RM MILLION)	CAPITAL (RM MILLION)	TOTAL (RM MILLION)
2021	2,402.6	713.4	3,115.9
2020	2,211.4	761.4	2,972.8
ANNUAL GROWTH RATE (%)	8.6	-6.3	4.8

3. ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE BY TYPE OF EXPENDITURE

Pollution management and waste management expenditure remained as the major expenditure incurred by Malaysian industries which collectively accounted for 96.7 per cent of the total environmental protection expenditure. Pollution management expenditure amounted to RM2,210.2 million, representing 70.9 per cent of the total, while waste management expenditure was RM803.7 million or a share of 25.8 per cent. The remaining three categories of expenditure for environmental protection were environmental assessment and charges (RM70.6 million; 2.3%), other environmental protection expenditure (RM19.3 million; 0.6%) and protection of wildlife & habitat (RM12.2 million; 0.4%).

Exhibit 2: Environmental protection expenditure by type of expenditure, 2021

Pollution management	Waste management	Environmental assessment and charges	Other environmental protection expenditure	Protection of wildlife & habitat
RM2,210.2 million	RM803.7 million	RM70.6 million	RM19.3 million	RM12.2 million
C: 27.8% O: 72.2%	C: 9.4% O: 90.6%	C: 23.4% O: 76.6%	C: 8.0% O: 92.0%	C: 32.9% O: 67.1%

Total : RM3,115.9 million

C: Capital expenditure
O: Operating expenditure

The pollution management expenditure can be categorised by type of activities and media. In terms of type of activities, pollution abatement & control was the main contributor with a share of 67.2 per cent (RM1,485.9 million). This was followed by the environmental monitoring and pollution prevention activities with a share of 20.6 per cent (RM454.2 million) and 9.6 per cent (RM211.9 million) respectively.

Meanwhile, as for pollution management expenditure by media, 61.2 per cent was spent on surface water amounted to RM1,352.7 million and 32.5 per cent (RM717.5 million) on air. The remaining was spent on soil & groundwater as well as noise, vibration & radiation media with RM80.7 million (3.7%) and RM59.3 million (2.7%), respectively.

Exhibit 3: Pollution management expenditure by activities and media, 2021



4. ENVIRONMENTAL EXPENDITURE BY SECTOR

The Manufacturing sector constituted the highest share of environmental protection expenditure in 2021 at 79.8 per cent and amounting to RM2,486.8 million followed by the Services sector with RM386.4 million or 12.4 per cent. In addition, the Mining & quarrying, Construction and Agriculture sectors accounted for 3.6 per cent (RM110.8 million), 2.7 per cent (RM84.7 million) and 1.5 per cent (RM47.1 million), respectively.

Exhibit 4: Environmental protection expenditure by sector, 2021



In general, the spending patterns of the Manufacturing, Mining & quarrying and Construction sectors inclined towards pollution management expenditure with a contribution of more than 60 per cent. Meanwhile, the spending pattern for the Services sector is fairly balanced between pollution management and waste management with a contribution of 48.9 per cent and 46.3 per cent respectively. The Agriculture sector is also dominated by pollution management and waste management expenditure. However, the expenditure on environmental assessments & charges and protection of wildlife & habitat were more significant in the Agriculture sector as compared to other sectors with both expenses contributing 17.0 per cent.

Chart 1: Type of environmental protection expenditure by sector, 2021



5. ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE BY STATE

Environmental protection expenditure by state was dominated by Johor at RM862.4 million with a contribution of 27.7 per cent. This was followed by Selangor RM557.5 million (17.9%), Sarawak RM239.4 million (7.7%), W.P. Kuala Lumpur RM221.0 million (7.1%) and Terengganu RM220.2 million (7.1%). These five states accounted for 67.4 per cent of the total expenditure in 2021.

Exhibit 5: Environmental protection expenditure and contribution by state, 2021



BIOLOGICAL APPROACHES FOR POLLUTION PREVENTION AND CONTROL IN THE AGRICULTURE SECTOR

Fuziah Md. Amin, Syed Ibrahim Mohd Jamaluddin, Nazira Abdullah,
Mahadi Mohd Nor, Nurul Asmahusna Asari,
Agricultural and Environment Statistics Division

Introduction

Environmental sustainability entails the responsible interaction with the environment with the aim to prevent the depletion of natural resources and to ensure better environment conditions for a long period of time. According to the United States Environmental Protection Agency (U.S. EPA), pursuing sustainability is about creating and maintaining the conditions under which humans and nature can exist in a productive harmony to support present and future generations[1]. Besides, the UN World Commission on Environment and Development (WCED) explains sustainable development as a development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs[2]. The process of urbanisation, emerging industries and modern agricultural methods which are not implemented in a sustainable manner may contribute to the contamination of water, air and soil resources. The over-exploitation and contamination of natural resources with hazardous substances will pose challenges for the survival of future generations.

Sustainable Agriculture

Sustainable agriculture refers to farming activities that is carried out in such a way to protect the environment, aid and expand natural resources and to make the best use of non-renewable resources[3]. The Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) underlines five key principles of sustainability for food and agriculture namely increase productivity, employment and value addition in food systems; protect and enhance natural resources; improve livelihoods and foster inclusive economic growth; enhance the resilience of people, communities and ecosystems; and adapt governance to new challenges[4]. Sustainable agriculture vision in Malaysia is in line with the country's sustaibale development goals to uplift income status of target groups such as farmers, livestock breeders, fishermen

[1] *https://www.epa.gov/sustainability/learn-about-sustainability#what*
[2] *https://www.sustain.ucla.edu/what-is-sustainability/*
[3] *https://www.nal.usda.gov/farms-and-agricultural-production-systems/sustainable-agriculture*
[4] *https://www.fao.org/sustainability/background/en/#:~:text=FAO's%20vision%20for%20sustainable%20food,well%20as%20future%20human%20needs.*

and agro-based entrepreneurs[5]. The transformation of agricultural sector is also higlighted in the National Agrofood Policy (NAP 2.0) 2021-2023 that is formulated with the objective of ensuring food supply, enhancing the competitiveness and sustainability of the agrofood industry, and elevating the income level of the target group[6].

Biological methods in agriculture activities

Biological control refers to methods of managing pest populations without the use of insecticides or chemicals. The effectiveness of biological methods in preventing pollution has been widely studied and is considered as one of the sustainable approaches to natural resources management. Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) describes five types of biological control methods in controlling pests and diseases in paddy fields namely parasitoid, predatorship, entomopathogen, antagonistic microorganisms and plant extract.These methods are referring to the use of natural enemies whose role are to control pest population and disease so that they may not cause economic loss. Biological control methods can be implemented through several approaches, namely classical biological control, augmentation, inoculative release method, inundative release method, or conservation[7].

Universiti Sains Malaysia (USM), in collaboration with the Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation (MPOGCF) has recently initiated the Barn Owl initiative program for Palm Oil Smallholders (BOSI) to assist them in rodent control within their fields. This effort represents a green initiative aimed at minimising the use of pesticides, which have adverse effects on the environment and can harm other animals that consume poisoned rodents. The method of using barn owls or owls to regulate rodents populations has been widely practiced in large-scale palm oil plantations owned by companies, but this good agricultural practice has not been extended to small-scale farmers. Therefore, this collaboration is expected to help small-scale farmers in utilizing this method as it is safer for humans and the environment, while also reducing the usage of rat poisons[8].

MARDI in collaboration with the Department of Agriculture (DOA) have also successfully developed a package of biological control agents that effectively combat insect pests particularly in highland vegetables. The developed ecological concept technology

[5] Rahman, R.A. (2021) Green nanotechnology for sustainable agriculture in Malaysia, FFTC Agricultural Policy Platform (FFTC-AP). Available at: https://ap.fftc.org.tw/article/2833 (Accessed: 15 June 2023).
[6] Translated from https://www.fama.gov.my/documents/20143/64638/Pendahuluan.pdf/115d5802-ee67-4c5e-9e08-9eed710a6624
[7] Translated from - Amzah, B., Misman, S. N., Mohamad, M., & Vun, C. T. Pengurusan bersepadu perosak, penyakit dan rumpai dalam pengeluaran mampan tanaman padi.
[8] Translated from https://www.mpogcf.org/mpogcf-dan-usm-bekerjasama-bina-sarang-burung-pungguk-jelapang-untuk-pekebun-pekebun-kecil-kelapa-sawit/

serves as the foundation for integrated pest management, which not only ensures user safety but also contributes to the preservation of ecosystem stability in Cameron Highlands. This project utilises two parasitoids, namely Diadegma Semiclausum and Cotesia Vestalis as biological control agents, demonstrating their efficacy in managing cruciferous plants' primary pest attacks particularly in cabbage vegetables. The economic analysis found that this technology is capable of providing savings in pest control chemical costs amounting to RM2,000 per season[9].

Besides, Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) has recently launched the Malaysian Family Bioremediation Program at the Center for Integrated Agricultural Services, Muar Selatan Farmers Association in Johor. This program aims to provide training and technology transfer on Black Soldier Fly (BSF) breeding methods, both in theory and practice, to the local community. The bioremediation process involves the safe, environmentally friendly, and sustainable management of waste by utilising BSF larvae for composting domestic and agro-industrial waste resulting in the production of animal feed and high-quality organic fertiliser. By producing these agricultural inputs, breeders and farmers can alleviate financial burdens and costs while also addressing domestic waste management challenges and reducing agricultural waste in the surrounding area[10].

Phytoremediation for pollutants removals

Other than biological control methods for preventing pollution caused by the use of pesticides, phytoremediation methods can also be employed as an alternative approach to remove pollutants using natural plants. Phytoremediation refers to the treatment of pollutants or waste, for instance, contaminated soil or groundwater by the use of green plants that remove, degrade, or stabilize the undesirable substances such as toxic metals[11]. One notable example of phytoremediation is the use of sunflowers to restore contaminated soil following the nuclear plant explosion in Chernobyl, Russia[12].

